



PELANCARAN PELAN TINDAKAN SEKURITI MAKANAN NEGERI PERAK

PENGENALAN

AGENDA PELAN PERAK SEJAHTERA 2030 - SEKURITI MAKANAN

- Menyambut titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Perak ketika Majlis Sambutan Maal Hijrah pada 30 Julai 2022 di Hotel Casuarina bahawa rakyat negeri Perak perlu **berhijrah** daripada hanya menunggu makanan daripada luar kepada bercucuk tanam dan membekalkan makanan kepada luar. Alhamdulillah, negeri Perak sebuah negeri bertuah kerana mempunyai **tanah yang luas dan subur** sesuai untuk kita bangunkan bagi pengeluaran hasil makanan yang berskala besar. Ini memberi kita kelebihan dan potensi besar berbanding negeri-negeri lain untuk kita bangunkan bidang pertanian dan penternakan.

- Pelan Perak Sejahtera 2030 telah meletakkan agenda sekuriti makanan dalam Program Flagship Lembah Bakul Makanan. Program ini bagi memastikan ketersediaan kuantiti makanan yang mencukupi dan berkualiti dibekalkan melalui pengeluaran untuk kegunaan domestik dan import. Antara projek yang akan dilaksanakan ialah:

1. Hab Daging Halal Antarabangsa

2. Perak International Agro Fest

3. Hab Agropelancongan

4. Akademi Sekuriti Makanan

- Peneraju bagi projek-projek yang dinyatakan ialah Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan MARDI.
- Untuk makluman semua, **RM 5 juta** telah diperuntukkan untuk memulakan **Projek Pembangunan Hab Daging Halal di Lekir, Setiawan Behrang dan Tanjung Malim.**
- Kedua, **RM 3.1 juta untuk Kempen Kebun Kita pada tahun 2021** sebagai usaha menggerakkan agenda memperkasa aktiviti pertanian dalam kalangan masyarakat.

Ketiga, **Pusat Pemasaran Agro Makanan FAMA di Manong** adalah usaha menjadikan negeri Perak sebagai **hub makanan terbesar**. Berfungsi sebagai model perniagaan dan rujukan pemasaran hasil pertanian berteknologi.

GLANCE OF PELAN TINDAKAN SEKURITI MAKANAN NEGERI PERAK

MERANGKA PELAN TINDAKAN

- **Perancangan tanpa tindakan adalah perkara sia-sia. Oleh itu, saya telah meminta agensi, jabatan dan GLC berkaitan pertanian menggembeling pelan tindakan khusus berkaitan pertanian dan penternakan bagi menjadikan negeri Perak sebagai hab utama pengeluaran makanan menjelang tahun 2030.**
- **Memperkuh sekuriti makanan dalam negeri adalah komitmen utama negeri Perak. Usaha ini akan dapat dilakukan dengan merangkul kekuatan jabatan, agensi dan GLC berkaitan pertanian dan penternakan menjadikan negeri Perak sebagai hab pengeluaran produk makanan utama negara.**
- **Pelan Tindakan Sekuriti Makanan dibangunkan untuk menetapkan Hala Tuju Holistik dan Inklusif ke arah mencapai Agenda Utama Perak Sejahtera 2030 - Sekuriti Makanan.**
- **Dalam Pelan Tindakan Sekuriti Makanan mengandungi perancangan tindakan terperinci, menggariskan isu dan cabaran, kekuatan dan potensi, analisa kesenjangan antara negeri dan persekutuan , rantai pemegang taruh, sasaran sekuriti**

makanan dan fasa pelaksanaan. Semua ini kita telah letak dalam Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negeri Perak.

ISU DAN CABARAN SEKURITI MAKANAN

- Makanan merupakan salah satu **keperluan asas manusia**. Manusia memerlukan makanan yang seimbang bagi mendapatkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh tubuh badan untuk bergerak aktif. **Emosi dan kecerdasan minda manusia** juga bergantung banyak kepada pemakanan yang secukupnya.
- Sekuriti makanan adalah isu keselamatan negara yang perlu diambil serius. Ini amat penting selepas kemunculan pandemik COVID-19 di mana ramai penduduk di seluruh dunia menghadapi isu dengan akses berterusan dan ketersediaan makanan.
- Isu sekuriti makanan adalah sebuah **isu saling berkaitan (interrelated issues)**. Kita telah mengenal pasti beberapa cabaran dalam isu sekuriti makanan. Antaranya, **peningkatan jumlah penduduk, ketidakseimbangan antara permintaan dan penawaran (supply and demand), kebergantungan kepada import makanan luar (dependency), pandemik COVID19 dan krisis perang Rusia-Ukraine.**
- **Peningkatan penduduk dunia telah memberi kesan terhadap permintaan pelbagai jenis keperluan makanan.** Namun sumber yang terhad dan kehendak manusia yang tiada sempadan menyebabkan tidak semua keperluan asas dapat dipenuhi sekiranya tidak diurus dengan baik. Oleh itu, **makanan merupakan**

salah satu keperluan asas yang wajib diberi perhatian khusus dalam memastikan pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara mahupun negeri kekal progresif dan berdaya saing.

- Mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), **jumlah penduduk Malaysia seramai 32.7 juta pada tahun 2022 berbanding 32.6 juta pada tahun 2021**, kadar pertumbuhan tahunan 0.2 peratus. Manakala, **jumlah penduduk di negeri Perak berjumlah 2.5 juta**. Ditambah, negeri Perak kedua tertinggi dari segi jumlah penduduk di Malaysia.
- Peningkatan jumlah penduduk menyebabkan permintaan kepada makanan asas seperti ayam, telur, beras juga terus meningkat namun **produktiviti pengeluaran makanan daripada penternak dan peladang statik (*stagnant*) di paras yang sama, menunjukkan (*supply and demand chain*) yang tidak seimbang.**
- **Kedua, isu kebergantungan negara dengan import makanan dari luar.** Data menunjukkan bahawa **Malaysia mencatat nilai import makanan luar RM55.4 billion pada tahun 2020, berbanding tahun RM45.3 billion tahun 2015. Nilai import makanan meningkat 22.3 peratus.** Kebergantungan import makanan luar untuk beberapa makanan seperti ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan.
- Ketiga adalah **pandemik COVID-19.** Pandemik telah **mempengaruhi semua proses yang menghubungkan pengeluaran dari peringkat ladang sehingga ke pengguna**

akhir. Selain itu, ia juga **melumpuhkan sistem pengeluaran makanan dan rantai nilai makanan** kepada keselamatan makanan negara.

- Ketika COVID-19 melanda, kebanyakan negara di dunia telah mengambil langkah pencegahan seperti **penutupan sempadan antarabangsa, perintah kawalan pergerakan, larangan perjalanan, menggalakkan bekerja dari rumah dan penutupan perniagaan untuk mengawal kadar jangkitan.** Penutupan sempadan antarabangsa dan sekatan perjalanan telah menjejaskan setiap peringkat rantai bekalan makanan dan meninggalkan kesan yang besar ke atas pengedaran makanan.
- Terakhir ialah **krisis Perang Rusia dan Ukraine.** Dunia telah dikejutkan oleh peperangan yang tercetus antara Rusia dan Ukraine yang **mengakibatkan rantai bekalan perdagangan antarabangsa terjejas dan harga pelbagai komoditi dunia meningkat.** Dua negara ini merupakan pengeluar utama dunia untuk komoditi seperti gandum, jagung dan minyak bunga matahari.
- Kesemua isu dan cabaran yang telah saya dinyatakan telah menyebabkan negara kita mengalami ketidakpastian dari segi keselamatan makanan.

KEKUATAN DAN POTENSI SUMBER

1. Keluasan kawasan tanaman makanan tahun 2021 berjumlah 32,525.2 ha. 2% keluasan Perak mengeluarkan 426,019.7 tan dimana, Self Sufficient Rate (SSR) dari 18 tanaman melebihi 100%.

2. Kelulusan baru 4 Zon Industri Akuakultur (ZIA)
 - ZIA Temenggor, 100 ha.
 - ZIA Tasik Kenering, 100 ha.
 - ZIA Pdg Ragut Sg Soh, 120 ha.
 - ZIA Sungai Dala, Hulu Perak, 81 ha.

3. Tebus guna kawasan lombong, dan Sungai Perak bagi penternakan spesies ikan air tawar.

4. Cadangan Pewartaan Kawasan Perlindungan Marin dan Taman Laut
 - Taman Laut Pulau Sembilan Taman Laut Segari
 - Kompleks MPA Pulau Pangkor

- Pelan Tindakan ini akan memandu arah kita semua dalam tempoh lapan tahun akan datang dengan **matlamat** sebagai ‘**Peneraju dan Rakan Strategik pilihan dalam memacu agenda Sekuriti Makanan Negara**’

- Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negeri Perak dibangunkan dengan beberapa **tujuan** iaitu:
 1. Memperbanyakkan sumber dalaman dan mempelbagaikan sumber import
 2. Meningkatkan penglibatan swasta dan masyarakat dalam sistem rantai makanan
 3. Memastikan keberadaan makanan yang selamat dengan harga berpatutan dan gaya pemakanan sihat

4. Memastikan kesiapsiagaan negeri dalam menghadapi krisis sekuriti makanan.

Dengan menetapkan **TIGA (3) sasaran** iaitu Sasaran Sejahtera Pertanian, Sejahtera Perikanan dan Sejahtera Penternakan:

- **Sasaran Sejahtera Pertanian**

1. Beras 100% SSL menjelang 2030
2. 30% kadar pertambahan setiap tahun untuk pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan Perak. 20% SSL

Huluan

1. Makanan Ruji: Beras, sayur-sayuran, cili, terung, bayang, sawi, tomato, kobis
2. Buah-buahan: Kelapa, belimbing, durian, nanas, manggis, jambu batu, pisang dan tembikai.

- **Sasaran Sejahtera Perikanan**

1. Meningkatkan Pengeluaran Ternakan Air Tawar (Ikan Air Tawar dan Udang Air Tawar) daripada 32,712 tm kepada 85,067 tm pada tahun 2030.
2. Meningkatkan Pengeluaran Ternakan Marin (Ikan Marin, Udang Marin, Kerang, Rumpai Laut) daripada 32,480 tm kepada 85,245 tm pada tahun 2030.

- **Sasarah Sejahtera Penternakan**

Meningkat hasil pengeluaran makanan daging dengan beberapa projek antaranya:

1. Program GRAZE
 - Pengeluaran Makanan Ternakan Ruminan
2. Program RUBI
 - Pembangunan Ternakan Rusa
3. Program PERAK BEEF
 - Pembangunan Ternakan Lembu Pedaging
4. Skim SMART-G
 - Pembangunan Ternakan Kambing Pedaging
5. Program PDG
 - Pembangunan Ternakan Kambing Tenusu
6. Skim SMART-S
 - Pembangunan Ternakan Bebiri

Pelan Tindakan ini menggariskan **ENAM (6) fokus** utama:

1. Optimum Sumber dan Tingkat Hasil
 2. Perluasan Penggunaan Teknologi
 3. Pemerksaan Data dan Penyelidikan
 4. Pengukuhan Tadbir Urus
 5. Perluasan Kerjasama Strategik dan Pelaburan
 6. Pemerksaan Ekonomi Kitaran
- Ini **selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025** yang telah dibangunkan bagi memperkukuh sekuriti makanan negara dengan mengambil kira isu dan cabaran sepanjang rantai bekalan makanan bermula daripada input

pertanian hingga sisa makanan. Pelan Tindakan Dasar Keselamatan Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 yang merangkumi 5 teras strategik, 15 strategi dan 96 inisiatif dibayangkan bagi memastikan kesinambungan bekalan makanan negara pada setiap masa terutama dalam menghadapi situasi yang tidak dijangka.

Pembolehdaya Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Negeri Perak

1. Kewangan
2. Data Raya dan Pendigitalan
3. Sumber
4. Teknologi dan Kepakaran

KISAH KEJAYAAN USAHAWAN-USAHAWAN TANI NEGERI PERAK ENCIK MAT JAMAN MAT NOOR

- Encik Mat Jaman Mat Noor berumur 39 tahun berasal dari Kampung Tok Bayas, Sg Siput (U), Perak merupakan seorang peladang yang mengusahakan tanaman tembikai, pisang, jagung, labu, betik, dan sayur-sayuran. Beliau berpengalaman dalam bidang pertanian selama 25 tahun.
- Terkini, Encik Mat Jaman memfokuskan tanaman tembikai sejak lima (5) tahun yang lalu. Beliau mengusahakan tanaman tembikai di Lenggong di atas tanah seluas 45 ekar yang dimiliki oleh Koperasi Penggerak Pejabat Tanah Lenggong. Beliau juga mengusahakan tanaman tembikai di Sg Siput di atas tanah seluas 24 ekar yang dimiliki oleh pihak Kerajaan Negeri di bawah Pejabat Daerah &

Tanah Sg Siput (U). Lazimnya, satu kitaran tanaman tembikai memakan masa selama 70 hari.

- Selain dari tanaman tembikai, En Mat Jaman juga mengusahakan tanaman pisang di atas tanah seluas 15 ekar di Kg Tok Bayas, Sg Siput (U). Sehingga kini, terdapat 15,000 pokok pisang berangan. Selain itu, En Mat Jaman juga mengusahakan tanaman jagung di atas tanah seluas 15 ekar dengan kapasiti 15,000 pokok jagung setiap satu (1) ekar tanah di Kg Tok Bayas, Sg Siput (U). Tambahan, beliau juga mengusahakan tanaman labu sebanyak 15,000 pokok di atas tanah seluas 10 ekar di Kg Lasah, Sg Siput (U). Difahamkan, beliau mencatatkan hasil sebanyak 30 tan pada musim lepas.
- **En Mat Jaman juga merupakan penerima bantuan modal dari pihak SADC berjumlah RM50,000 pada tahun 2021 bagi memajukan lagi tanaman yang diusahakan.**

ENCIK JAMIL AHMAD

- Bercerita mengenai pertanian dan pelancongan, saya tertarik dengan kejayaan Encik Jamil Ahmad merupakan pemilik kepada Jamil Ahmad Enterprise yang beroperasi selama lebih kurang 10 tahun diatas jenama Jamil Agrofarm.
- Bermula dengan hanya dua buah sangkar ikan patin, hasil keuntungan jualan ikan dilabur semula bagi menambahkan bilangan sangkar secara berperingkat. Kini, Jamil Agrofarm

beroperasi dengan 16 buah sangkar ikan patin dan ikan tilapia di tebing Sungai Perak.

- Encik Jamil telah menerima **bantuan 8 buah sangkar ikan dari Jabatan Perikanan selain bantuan dan bimbingan daripada Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP)**. Encik Jamil juga turut terlibat dalam program khas sebagai mentor kepada 4 penternak ikan muda bagi membantu menyediakan peluang pekerjaan dan meningkatkan ekonomi penduduk setempat.
- Saya dimaklumkan Encik Jamil Ahmad akan memperluaskan perusahaan ternak ikan dalam sangkar beliau sehingga 100 buah sangkar ikan pada masa akan datang termasuk membimbing dan melatih kelompok generasi baru untuk menceburi bidang penternakan ikan dalam sangkar bagi meningkatkan lagi hasil dan produk ikan di dalam pasaran.

DUSOON SARA ENTERPRISE MALAYSIA SDN BHD

- Dusoon Sara Enterprise Malaysia Sdn Bhd ditubuhkan oleh Encik Firdaus Nazarudin pada 2014. Syarikat ini terlibat di dalam peternakan ayam kampung di Kampung Lambor Kanan, Parit, Perak. Syarikat ini dijenamakan sebagai Ayam Kampung Dusoon.
- Syarikat ini memfokuskan peternakan ayam kampung dengan menggunakan teknologi yang tidak mendatangkan bau seperti peternakan ayam tradisional lain. Reban yang dibina dengan kepakaran sendiri mampu memuatkan lebih 3,000 ekor ayam dalam satu-satu masa.

- Syarikat juga ini yang mendapat **bantuan dan bimbingan** dari pelbagai agensi seperti **Jabatan Veterinar, SADC, RISDA dan lain-lain agensi turut mempunyai pusat penyembelihan sendiri yang mampu menyembelih dan memproses 1,000 ekor ayam sehari**. Rangkaian produk syarikat meliputi Ayam Kampung Sejuk Beku ,Ayam Kampung Segar, Dedak Bokashi Premium dan Jualan Anak Ayam Kampung.
- En Firdaus juga merupakan tenaga pengajar dan mentor bagi Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar (PLKK-KPLB) yang dilaksanakan di negeri Perak. Dari tahun 2019 hingga 2021 seramai 150 orang peserta telah menyertai PLKK-KPLB untuk kursus ternakan ayam kampung ini.
- Sasaran dan visi syarikat adalah untuk membesarkan ladang penternakan dan menambah kapasiti pengeluaran kerana pada masa kini permintaan yang terlalu tinggi terhadap ayam kampung menyebabkan syarikat tidak dapat memenuhi permintaan pasaran. Syarikat juga menyasarkan untuk membantu lebih anak muda menceburi bidang penternakan ayam kampung sebagai sumber pendapatan baru.